

# LAPORAN TAHUNAN PERPUSTAKAAN KUTKM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك  
UNIVERSITY OF APPLIED SCIENCES  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# TAHUN 2001



**LAPORAN TAHUNAN 2001**  
**PERPUSTAKAAN**  
**KUTKM**

اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## Kandungan

Perkara	Muka surat
Latar Belakang KUTKM	1-2
Latar Belakang Perpustakaan	3
Pengenalan	3
Objektif	3
Fungsi Utama Perpustakaan	3
Carta Organisasi	3
Staf	3
Pembangunan Koleksi Perpustakaan	4
Pengindeksan dan Pemprosesan Bahan	5
Koleksi	5
Perkhidmatan	5
Perkhidmatan Peminjaman Bahan	5
Keahlian Perpustakaan	6
Pengguna	6
Kemudahan Ruang	6
Perancangan akan datang	6
Penutup	6
Lampiran	



اونيورسي تيكنيكل مايلايا  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## **Senarai Lampiran**

<b>Lampiran</b>	<b>Perkara</b>
Lampiran 1	Carta Organisasi 2001
Lampiran 2 Perpustakaan 2001	Senarai Staf
Lampiran 3	Senarai Kursus Staf 2001
Lampiran 4	Stok Perpustakaan 2001
Lampiran 5 Jurnal	Senarai Penerimaan (Langganan) 2001
Lampiran 6 Jurnal	Senarai Penerimaan (Hadiah) 2001



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## **LATAR BELAKANG KUTKM**

### **1.1 PENGENALAN**

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) ditubuhkan di bawah Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) menerusi Perintah Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (Pemerbadanan 2001) yang telah diwartakan sebagai P.U (A) 124 pada 3 Mei 2001. Penubuhannya adalah berkuatkuasa pada 1 Disember 2000.

Penubuhan KUTKM bertitik-tolak daripada keputusan kerajaan untuk memenuhi keperluan industri masa depan terhadap sumber tenaga profesional di bidang teknikal yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan akademik yang mantap tetapi juga mempunyai keterampilan dan kemahiran teknikal yang tinggi. Sumber tenaga seperti ini adalah amat penting kepada Negara kearah mencapai wawasan negara maju. KUTKM merupakan satu-satunya IPTA di Malaysia yang mendukung dan melaksanakan pendidikan tinggi teknikal berorientasikan aplikasi dan amalan dengan memberi keutamaan kemasukan kepada pelajar daripada aliran teknik dan kemahiran.

KUTKM pada masa ini beroperasi di kampus sementara yang terletak di Ayer Keroh, Melaka dan telah memulakan pengajiannya pada 10 Jun 2001 yang lalu dengan pengambilan pelajar perintis seramai 348 KUTKM mengunjurkan enrolmen seramai 12,000 pelajar menjelang 2010.

### **1.2 MISI**

Untuk melahirkan ahli professional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketerampilan tinggi melalui universiti teknikal yang berkualiti, bertaraf dunia berteraskan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan berorientasikan aplikasi dengan perkongsian pintar universiti-industri sejajar dengan aspirasi Negara.

### **1.3 VISI**

Untuk menjadi sebuah universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.

### **1.4 OBJEKTIF**

- menjadi sebuah organisasi pembelajaran dan keilmuan
- memainkan peranan berkesan sebagai penggerak kepada pembangunan perindustrian negara
- melahirkan graduan yang kompeten dan bersahsiah tinggi yang menjadi pilihan utama majikan
- menawarkan kursus-kursus professional, multi dan inter-disiplin berorientasikan aplikasi
- menyediakan kurikulum yang mencerminkan semua dimensi disiplin yang menggalakkan pemikiran kritis, penyelesaian masalah, kerja berpasukan dan kemasyarakatan
- mempunyai staf yang kompeten dan berkelayakan tinggi serta mempunyai pengalaman praktikal yang luas.

- menerajui aktiviti penyelidikan dan pembangunan berlandaskan penyelesaian masalah industri
- mengadakan infrastruktur dan persekitaran yang merangsang;
  - pengajaran dan pembelajaran berorientasikan aplikasi dan amalan
  - perhubungan dan kerjasama dengan universiti-universiti
  - pembangunan penyelidikan gunaan
  - latihan industri secara mendalam
  - perundingan dan pendidikan berterusan
  - persekitaran kerja yang indah dan mesra dan;
- mengadakan perkongsian pintar universiti-universiti dalam :
  - pengajaran dan pembelajaran
  - pembangunan kursus dan makmal
  - penyelidikan, pembangunan dan perundingan
  - incubator dan kilang pengajaran dan
  - latihan industri

## **LATAR BELAKANG PERPUSTAKAAN KUTKM**

### **1. PENGENALAN**

Perpustakaan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) ditubuhkan seiring dengan penubuhan KUTKM pada 1 hb. Disember 2000 di bawah Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej 1971 (Akta 30) Perlembagaan Malaysia. Perpustakaan ini mula memberikan perkhidmatan kepada masyarakat kampus pada 10 Jun 2001 sempena pendaftaran pelajar perintis KUTKM seramai 348 orang di Kampus Sementara di Taman Tasik Utama. Perpustakaan adalah merupakan pusat kecemerlangan ilmu bagi warga KUTKM.

Perpustakaan ini mempunyai keluasan ruang lantai sejumlah 974.38 meter persegi. Bangunan pentadbiran terletak di dua lot tingkat atas dan satu lot di tingkat bawah. Bahagian perkhidmatan pula terletak di tingkat bawah yang mempunyai keluasan ruang lantai berjumlah 671.34 meter persegi dan mampu menampung kapasiti sejumlah 150 pengguna pada satu-satu masa.

### **2. OBJEKTIF**

Perpustakaan memainkan peranan membentuk masyarakat yang berdaya fikir dalam melahirkan ahli professional yang berketrampilan seiring dengan misi KUTKM, dengan itu objektif perpustakaan adalah :-

- a) menyokong, membantu dan menyediakan kemudahan dan sumber yang menepati keperluan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan.
- b) memupuk budaya ilmu di kalangan masyarakat KUTKM dan luar KUTKM sebagai masyarakat yang bermaklumat dan berpengetahuan.

### **3. FUNGSI UTAMA PERPUSTAKAAN**

- Memperolehi bahan-bahan rujukan serta bahan-bahan yang berkaitan dengan bidang teras KUTKM dengan menggunakan peruntukan kewangan yang diagihkan.
- Menguruskan khidmat pinjaman bahan, khidmat runding rujuk penasihat pengguna dan lain-lain aktiviti dalam menggalakkan dan membimbing pengguna.
- Menyediakan kemudahan mendapatkan maklumat dengan menyediakan perkhidmatan Pangkalan Data atas talian dan perkhidmatan terkini.
- Melaksanakan aktiviti lain selaras dengan peranan perpustakaan sebagai pusat maklumat.

### **4. CARTA ORGANISASI**

- Carta Organisasi 2001 lihat lampiran 1

## 5. STAF

Pada peringkat awal Perpustakaan mula beroperasi pada tahun 2001, ianya terdiri daripada 3 unit iaitu :-

- Unit Pentadbiran, Latihan dan Pembangunan Koleksi (Perolehan)
- Unit Pengindeksan
- Unit Sirkulasi

Staf Perpustakaan pula berjumlah 10 orang iaitu 3 orang staf professional dan 7 orang staf sokongan seperti berikut:-

BAHAGIAN/JAWATAN	PROFESSIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
<b>UNIT PENTADBIRAN, LATIHAN DAN PEMBANGUNAN KOLEKSI (PEROLEHAN)</b>			
Ketua Pustakawan	1	-	1
Pembantu Tadbir (K)	-	1	1
Pembantu Perpustakaan	-	4	4
<b>UNIT PENGINDEKSAN</b>			
Pustakawan	2	-	2
Pembantu Perpustakaan	-	1	1
<b>UNIT SIRKULASI</b>			
Pustakawan	-	-	-
Pembantu Perpustakaan	-	1	1
<b>JUMLAH</b>	<b>3</b>	<b>7</b>	<b>10</b>

- Senarai staf perpustakaan 2001 lihat lampiran 2.

Staf telah diberi latihan dengan menghadiri kursus, bengkel dan seminar

- Senarai kursus staf 2001 lihat lampiran 3.

## 6. PEMBANGUNAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN

Pembangunan Koleksi Perpustakaan fokus kepada bidang teknikal dengan pengkhususan dalam bidang komputer dan sistem maklumat, elektrik, elektronik, mekanikal dan pembuatan disamping bahan-bahan dalam bidang sains, fizik, matematik, kimia dan bahan bacaan am.

Skop perolehan judul bahan dalam bidang teras KUTKM telah dikenal pasti sebelum ini oleh kumpulan penggerak yang berbincang dan merancang untuk menubuhkan perpustakaan.

Perolehan bahan (buku, bahan media dan jurnal) mula diterima pada April/Mei 2001 dan ditempatkan di bangunan sementara Metacorp. Bahan-bahan tersebut telah diproses pada bulan Jun/Julai 2001 dengan kemasukan 4 orang pembantu perpustakaan dan 1 pustakawan.

Perbelanjaan bahan tahun 2001 berjumlah RM 1,537,495.42

Perolehan bahan mengikut kategori adalah seperti berikut:-

JENIS	JUDUL	NASKAH/UNIT
<b>Bahan Bercetak</b>		
Buku	4388	4593
Bahan Hadiah	5	13
Terbitan Bersiri (Langganan)	14	103
Terbitan Bersiri (Hadiah)	10	410
<b>JUMLAH</b>	<b>4417</b>	<b>5119</b>



<b>Bahan Bukan Bercetak (Bahan Media)</b>		
Kasetvideo	151	209
Slaid	4	195
Kaset	1	1
<b>JUMLAH</b>	<b>156</b>	<b>405</b>
<b>Bahan Digital</b>		
Cakera Padat	972	1022
Disket	96	97
Pangkalan Data Atas Talian	1	1
<b>JUMLAH</b>	<b>1069</b>	<b>1120</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>5642</b>	<b>6644</b>

- Stok Perpustakaan 2001 lihat lampiran 4.

Pada peringkat permulaan, hanya 14 judul jurnal yang dilanggan. Perbelanjaan untuk jurnal (langganan) berjumlah RM 11835.29. Pada November 2001, Pangkalan Data Atas Talian ITS Marc – bidang sains maklumat juga dilanggan untuk rujukan Unit Pengindeksan. Perbelanjaan Pangkalan Data berjumlah RM 6894.00.

- Senarai Jurnal (Langganan) lihat lampiran 5.

Jurnal (Hadiah) sebanyak 10 judul / 410 naskah adalah sumbangan Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani, Rektor KUTKM.

- Senarai Jurnal (Hadiah) lihat lampiran 6.

## 7. **PENGINDEKSAN DAN PEMROSESAN BAHAN**

Bermula pada bulan Jun-Disember 2001, buku yang telah diindeks dan dihantar ke Unit Sirkulasi berjumlah 2154 judul / 2366 naskah.

## 8. **KOLEKSI**

Diantara koleksi yang terdapat di perpustakaan KUTKM adalah seperti berikut:-

- Koleksi Am
- Koleksi Keratan Akhbar
- Koleksi Jurnal
- Koleksi Khas KUTKM
- Kertas Kerja Seminar
- Prospektus Universiti Tempatan dan Luar Negara
- Bahan-Bahan Terbitan daripada Badan-Badan Berkanun dan Bukan Berkanun
- Koleksi Rujukan
- Koleksi Kertas Peperiksaan
- Laporan Tahunan

## 9. PERKHIDMATAN

Diantara perkhidmatan yang disediakan ialah :-

- Perkhidmatan pinjaman dan pemulangan bahan
- Pembaharuan tarikh pinjaman bahan oleh pemsyarah melalui telefon
- Fotokopi
- Pencarian maklumat melalui internet

## 10. PERKHIDMATAN PEMINJAMAN BAHAN


Sehingga Disember 2001, terdapat sebanyak 653 pinjaman bahan oleh pengguna. Pecahan bilangan pinjaman bahan pengguna mengikut kategori adalah seperti berikut:-

BULAN	PELAJAR IJAZAH	K/TANGAN KANAN & PENSYARAH	TUTOR	K/TANGAN BIASA	JUMLAH
JUN	14	6	0	0	20
JULAI	107	5	0	0	112
OGOS	112	2	3	0	117
SEPTEMBER	80	4	8	0	92
OKTOBER	45	21	23	1	90
NOVEMBER	3	13	12	3	31
DISEMBER	146	17	27	1	191
<b>JUMLAH</b>	<b>507</b>	<b>68</b>	<b>73</b>	<b>5</b>	<b>653</b>

## 11. KEAHLIAN PERPUSTAKAAN

Pada tahun 2001, Perpustakaan KUTKM telah mempunyai seramai 488 orang ahli berdaftar. Berikut adalah pecahan bilangan keahlian perpustakaan berdaftar mengikut kategori :-


KATEGORI	BILANGAN
Pelajar Ijazah	422 orang
Kakitangan Kanan & Pensyarah	38 orang
Kakitangan Biasa	17 orang
Tutor	11 orang
<b>JUMLAH</b>	<b>488 orang</b>



## 12. PENGGUNA

Sehingga Disember 2001, terdapat seramai 6,625 orang pengguna yang telah mengunjungi perpustakaan. Berikut adalah pecahan bilangan kehadiran pengguna ke perpustakaan mengikut bulan :-

BULAN	JUMLAH PENGGUNA
Julai	1256
Ogos	1263
September	1290
Oktober	1321
November	260



Disember	1235
<b>JUMLAH</b>	<b>6625</b>

### 13. **KEMUDAHAN RUANG**

Perpustakaan juga menyediakan kemudahan-kemudahan ruang seperti :-

- Ruang Bacaan Umum
- Ruang Bacaan Majalah
- Ruang Bacaan Akhbar
- Karel Terbuka

### 14. **PERANCANGAN AKAN DATANG**

Perpustakaan merancang membangunkan Pangkalan Data Dalam iaitu Pangkalan Data Keratan Akhbar, Kertas Soalan Peperiksaan KUTKM dan Koleksi Khas KUTKM, dalam menyokong proses pengajaran dan pembelajaran di KUTKM.

### 15. **PENUTUP**


Dalam tempoh 6 bulan pertama beroperasi perpustakaan bekerja keras untuk menyediakan perkhidmatan kepada pelajar dan staf akademik. Walaupun terdapat kesulitan, semangat kerjasama dan komitmen yang ditunjukkan oleh staf membolehkan perkhidmatan perpustakaan berjalan dengan sempurna.

**Perpustakaan  
KUTKM  
13 Ogos 2004**

اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

CARTA ORGANISASI PEJABAT PERPUSTAKAAN 2001



**LAMPIRAN 2****SENARAI KURSUS 2001 (PROFESSIONAL)**

BIL	NAMA PESERTA	KURSUS	TARIKH	TEMPAT	ANJURAN
1.	Hjh. Faridah bte Hj. Md. Amin	Bengkel Sehari Penyediaan Belanjawan Tahun 2002/2003 KUTKM	22 Mei 2001	Pejabat Pembangunan	Pejabat Bendahari
2.	Hjh. Faridah bte Hj. Md. Amin	Bengkel Pembangunan Kampus Tetap KUTKM	5-6 Nov. 2001	Pejabat Pembangunan	Pejabat Pembangunan
3.	Hjh. Faridah bte Hj. Md. Amin	Seminar Kualiti ISO 9000	20 Nov. 2001	FKP	FKP

**SENARAI KURSUS 2001 (SOKONGAN)**

BIL	NAMA PESERTA	KURSUS	TARIKH	TEMPAT	ANJURAN
1.	1. Khairunisa bte Abdullah 2. Abu Hassan Shamsudin 3. Ahmad bin Abu Bakar	Kursus ICT untuk guru Sek. Men. Dan Rendah N. Melaka sempena program penggalakkan sains & teknologi peringkat Negeri Melaka	29 Okt. 2001	Pusat Komputer	Pusat Perkhidmatan Akademik
2.	1. Abu Hassan Shamsudin	Seminar Program Kesedaran Dakwah	4 Nov. 2001	Masjid Al-Azim Negeri Melaka	Pejabat Pendaftar
3.	1. Siti Roheizah bte Mohni 2. Abu Hassan Shamsudin 3. Zulkarnaen bin Mahat	Bengkel Pembangunan Kampus Tetap	5-6 Nov. 2001	Hotel Golden Legacy	FKP
4.	1. Khairunisa bte Abdullah 2. Ahmad bin Abu Bakar 3. Norfahrizan bte Johari 4. Muhd. Rashid bin Idrus	Seminar mengenai cabaran globalisasi	6 Nov. 2001	Dewan Seri Negeri	Kerajaan Negeri Melaka

**SENARAI LAWATAN STAF 2001**

BIL	BUTIRAN	TARIKH	STAF TERLIBAT
1.	Lawatan ke Perpustakaan Universiti Multimedia (Unitele), Bkt. Beruang, Melaka	15 Ogos 2001	Norfahrizan bte Juhari Khairunnisa bte Abdullah Abu Hassan bin Shamsudin Ahmad bin Abu Bakar
2.	Lawatan ke Perpustakaan UiTM, Kampus Alor Gajah, Lendu	17 Ogos 2001	Ahmad bin Abu Bakar M. Rashid bin Mat Derus Abu Hassan bin Shamsudin Zulkarnaen bin Mahat

LAMPIRAN 3

**SENARAI STAF PERPUSTAKAAN TAHUN 2001**

BIL	NAMA	NO. STAF	JAWATAN	GRED	STATUS/ LAPOR DIRI	CATATAN
1.	Hjh. Faridah bte Hj. Md. Amin	00008	Ketua Pustakawan	S2	01.01.2001	
2.	Siti Saluwa bte Jamal	00068	Pustakawan	S3	28.05.2001	
3.	Rasida bte Abu Bakar	00203	Pustakawan	S3	06.12.2001	
4.	Abu Hassan b. Shamsudin	00097	Pembantu Perpustakaan	S7	11.06.2001	
5.	Siti Roheizah bte Mohni	00043	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N7	02.05.2001	
6.	Muhammed Rashid b. Mat Derus	00051	Pembantu Perpustakaan	S7	08.05.2001	
7.	Khairunnisa bte Abdullah	00052	Pembantu Perpustakaan	S7	08.05.2001	
8.	Ahmad bin Abu Bakar	00057	Pembantu Perpustakaan	S7	14.05.2001	
9.	Norfahrizan bte Juhari	00066	Pembantu Perpustakaan	S7	28.05.2001	
10.	Zulkarnaen bin Mahat	00086	Pembantu Perpustakaan	S7	05.06.2001	

## LAMPIRAN 4

STOK PERPUSTAKAAN DISEMBER 2001

JENIS	2001	
	JUDUL	NASKAH
<b>1) MONOGRAF</b>		
1.1 Belian	4388	4593
1.2 Hadiah	5	13
1.3 Jurnal Berjilid	-	-
1.4 Koleksi Khas KUTKM (Am)	-	-
1.5 Koleksi Khas KUTKM (Tesis)	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>4393</b>	<b>4606</b>
<b>2) JURNAL</b>		
2.1 Langganan	14	103
2.2 Hadiah	10	410
<b>JUMLAH</b>	<b>24</b>	<b>513</b>
<b>3) PANGKALAN DATA</b>	1	1
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>1</b>
<b>4) BAHAN MEDIA</b>		
4.1 Kasetvideo	151	209
4.2 Slaid	4	195
4.3 Kaset	1	1
<b>JUMLAH</b>	<b>156</b>	<b>405</b>
<b>5) BAHAN DIGITAL</b>		
5.1 Cakera Padat	972	1022
5.2 Disket	96	97
<b>JUMLAH</b>	<b>1069</b>	<b>1120</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>5642</b>	<b>6644</b>

**LAMPIRAN 5**

**SENARAI PENERIMAAN JURNAL (LANGGANAN) TAHUN 2001**

BIL	NO. PESANAN	TAJUK MAJALAH	ISSN	NASKAH	NO. PANGGILAN	BIL. NASKAH YANG DITERIMA
1.	MK(T)01/0007902	Computer & Electrical Engineering	0045-7906	06/setahun	TK 7885.A1.C65	6
2.	MK(T)01/005382	Dewan Agama dan Falsafah	1511-9599	12/setahun	BP 1.D45	5
3.	MK(T)01/003877	Dewan Ekonomi	0128-8520	12/setahun	HC 445.5.D29	7
4.	MK(T)01/003875	Dewan Kosmik	-	12/setahun	Q 4. D48	7
5.	MK(T)01/005381	Dewan Masyarakat	0419-0386	12/setahun	DS 591.D49	5
6.	MK(T)01/0007958	Electrical Engineering	0948-7921	06/setahun	TK 3. E43	-
7.	MK(T)01/005380	Electronics World**Electronics & Wireless World**	0959-8332	12/setahun	TK 5101. E43	4
8.	MK(T)01/005379	Far Eastern Economic Review	0014-7591	48/setahun	HC 411.F37	26
9.	MK(T)01/0007957	Jaring Internet	1511-2608	12/setahun	TK 5105.875.157.J37	11
10.	MK(T)01/0007901	Journal of Engineering Mechanics	0733-9399	12/setahun	TA 349. A43	10
11.	MK(T)01/003876	Majalah Minda	1675-0446	12/setahun	BP 150. M56	3
12.	MK(T)01/003840	Majalah PC	1675-0527	12/setahun	QA 76.5.M34	7
13.	MK(T)01/003874	Reader's Digest	0034-0375	12/setahun	AP 8. R43	5
14.	MK(T)01/003873	Seri Dewi & Keluarga	-	12/setahun	HQ 1. S47	7
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						<b>103</b>



LAMPIRAN 6

SENARAI PENERIMAAN JURNAL (HADIAH) TAHUN 2001

BIL	NO. PESANAN	JUDUL	ISSN	PENYUMBANG	BIL. NASKAH YANG DITERIMA
1.	01/003841MK(H)	IEEE Transaction on power system	0885-8950	Rektor KUTKM	15
2.	01/003842MK(H)	IEEE Transaction on automatic control	0018-8286	Rektor KUTKM	63
3.	01/003843MK(H)	IEEE Transaction on control system technology	1063-6536	Rektor KUTKM	27
4.	01/003844MK(H)	Spectrum	0018-9235	Rektor KUTKM	139
5.	01/003845MK(H)	IEEE power engineering review	0272-1724	Rektor KUTKM	55
6.	01/003846MK(H)	Proceedings of the IEEE	0018-9219	Rektor KUTKM	52
7.	01/003847MK(H)	Computer	0018-9162	Rektor KUTKM	17
8.	01/003848MK(H)	IEEE Control Systems	0272-1708	Rektor KUTKM	18
9.	01/003850MK(H)	IEEE Computer applications in power	0895-0156	Rektor KUTKM	23
10.	01/003872MK(H)	International journal of engineering sciences & technology	1511-8991	Rektor KUTKM	1
<b>JUMLAH</b>					<b>410</b>

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA